

Pengiktirafan PM era baru pertahanan negara

KUALA LUMPUR 11 Okt. — Pengiktirafan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap peranan tentera dalam menjayakan Wawasan 2020, membuka era baru yang lebih gemilang kepada pertahanan negara, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kata beliau, ucapan Dr. Mahathir semasa melancarkan Pasukan Aturgerak Cepat (PAC) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Langkawi, semalam merupakan kenyataan terus terang yang pertama oleh Perdana Menteri berhubung peranan tentera.

“Apa yang mengharukan pada ucapan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri itu ialah apabila beliau telah menggariskan satu prinsip yang sangat penting iaitu pembangunan pertahanan negara adalah penting untuk menjayakan Wawasan 2020.

“Inilah kali pertama satu kenyataan terus terang yang menyatakan prinsip pokok itu,” katanya kepada para pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar pada Seminar Mengenai Perbankan Islam di sini hari ini.

Menurut Najib, kenyataan Perdana Menteri bahawa proses pemodenan tentera akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang merupakan prinsip pol yang penting.

“Prinsip ketiga yang nyatakan oleh Dr. Mahathir iaitu penubuhan PAC adalah satu langkah yang amat baik - juga perlu diamati secara positif kerana ia memberi peluang atau pilihan kepada kerajaan untuk menangani segala perkembangan sama ada di dalam atau luar negara,” ujarnya.